



KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM

SIARAN MEDIA

INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN: 100 TAHUN MEMBINA LEGASI LATIHAN PERHUTANAN

Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN) yang ditadbir urus oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) menyambut ulang tahun ke-100 penubuhannya, sekali gus menandakan satu abad peranan institusi itu dalam melahirkan tenaga mahir bagi sektor perhutanan negara.

Majlis sambutan ulang tahun ini telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Asli dan Kelestarian Alam, Dato' Sri Arthur Joseph Kurup, sebagai pengiktirafan kepada legasi dan dedikasi JPSM dalam melahirkan tenaga kerja mahir dan profesional dalam sektor perhutanan melalui latihan teknikal serta praktikal. FORTRAIN memfokuskan kepada pembangunan modal insan, pemindahan teknologi perhutanan, dan penerapan pengurusan hutan mampan selaras dengan keperluan industri

Menyingkap sejarah penubuhannya, institusi ini ditubuhkan pada 1926 sebagai Sekolah Perhutanan Kepong (SPK) oleh tokoh perhutanan, D.H. Hodgson yang pada awalnya hanya melatih 12 pelatih sebelum berkembang menjadi pusat latihan utama perhutanan di Malaysia.

Sejak dijenamakan semula sebagai FORTRAIN pada 2010, institusi ini terus memperkukuh program latihannya agar selari dengan keperluan semasa, termasuk penekanan terhadap penggunaan teknologi moden seperti kecerdasan buatan (AI), Sistem Maklumat Geografi (GIS), penderiaan jauh dan dron. Sehingga kini, seramai 6,369 pelatih telah dilahirkan dan berkhidmat dalam pelbagai sektor berkaitan perhutanan, alam sekitar, landskap, tapak semaian, ekopelancongan dan pengurusan sumber asli di seluruh negara.

Bersempena sambutan itu, JPSM turut merasmikan kemudahan asrama baharu bernilai RM20.8 juta berkapasiti 98 buah bilik yang mampu menempatkan sehingga 196 pelatih dalam persekitaran lebih kondusif. Sebagai simbolik sambutan 100 tahun FORTRAIN, YB Menteri turut menanam pokok spesies Daun Sang (*Johannesteijsmannia altifrons*), iaitu sejenis pokok palma hutan yang endemik, jarang ditemui dan unik di rantau Malaya-Borneo.

Majlis ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) beserta JPSM dalam melahirkan modal insan berkemahiran, berintegriti dan berdaya saing bagi memastikan pengurusan hutan negara yang lestari dan mampan.

KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM
2 APRIL 2026

